

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

HARI MUKA FPK: LIMPAHAN BUDI, ADAB DAN AKHLAK

Oleh: TAN SRI PROF DR. DZULKIFLI ABDUL RAZAK,

REKTOR UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA – UIAM



Adab dan akhlak adalah dua neraca hidup bagi insan yang menginginkan kesejahteraan baik di dunia dan akhirat. Ianya merentasi semua tamadun budaya dan kepercayaan kerana kedua-dua aspek ini lahirnya dari fitrah insan itu sendiri sama ada disedari atau tidak. Disinilah terpanggilnya Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1) sebagai satu kerangka pendidikan yang membentuk asas adab, akhlak dari limpahan budi buat seorang insan seimbang lagi harmonis. Mungkin setiap tamadun dan budaya itu mempunyai caranya tersendiri untuk menyerlahkan adab dan akhlak masing-masing dan oleh itu terdapat perbezaan pandangan atau tafsiran tentang apa itu adab dan akhlak yang baik apatah lagi yang mulia sebagai perbandingan. Apa yang baik dan mulia disesuatu tamadun itu mungkin berbeza dengan yang lain. Walaupun begitu daripada sudut falsafahnya perbezaan ini tidaklah begitu ketara sehingga dapat meringankan kefahaman adab dan akhlak tersebut.

Di negara-negara yang bersendikan agama dan masih kuat berpegang kepada nilai-nilai murni, soal adab dan akhlak menjadi lebih nyata sebagai satu cara hidup yang sempurna lagi seimbang sebagaimana yang dituntut oleh semua agama. Oleh yang demikian beradab dan berakhlak menjadi satu pedoman serta asuhan utama bagi setiap individu dan masyarakatnya. Boleh dikatakan ia menjadi cerminan dan kemegahan tamadun mereka sendiri sebagai satu asas falsafah pendidikan yang mendalam. “Biar mati anak, jangan mati adat” misalnya membayangkan betapa

adab dan akhlak menjadi sebahagian daripada adat wajar dipertahankan, terutamanya yang berpaksikan nilai-nilai murni sejagat.

Namun hakikatnya pada hari ini soal adab dan akhlak tidak lagi sepetimana dahulu tatkala sendi agama dan budaya sudah mula luntur dan diambil alih oleh faktor-faktor pendorong lain. Satu-satunya pendorong utama adalah faktor “pasaran” yang menetapkan apa yang boleh diterima (dan oleh itu dianggap “baik”) melalui istilah-istilah baru yang berdasarkan kepada kerangka falsafah “baru” umpama kefahaman neoliberalisme Barat. Matlamatnya bukan untuk mencapai kesempurnaan untuk setiap individu dan masyarakat, apa lagi dunia sejagat, tetapi hanya untuk segelintir manusia dan kelompok tertentu sahaja. Itupun bukan untuk dunia dan akhirat, tetapi setakat hidup mewah dalam maya semata-mata! Maka tercetuslah satu istilah yang agak sumbang dalam konteks adab dan akhlak – iaitu “modal insan” yang menjadi penggerak utama faktor “pasaran” sama ada disedari atau tidak terutamanya dalam melunaskan agenda neoliberal (2). Sekaligus agenda neoliberal adalah songsang dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan kerana adab dan akhlak yang murni dianggap sebagai “tembok” yang merintangi maksud dan cita-cita “pasaran” yang rakus dan tidak menghormati batasan kemanusiaan dalam semua peringkat. Didesak pula dengan dunia yang dikatakan “morden” berlandaskan kepada nilai-nilai kemordoran yang bertembung dengan adab dan akhlak daripada tamadun lain yang sedia terpelihara, maka ramai terperangkap tanpa disedari. Dengan melesetnya kefahaman “insan seimbang,” konsep “modal insan” mengambil tempat perdana dalam hampir semua pembicaraan baik dalam dunia pendidikan sekalipun. Maksudnya soal adab dan akhlak juga mengalami nasib yang sama apabila “insan” tidak lagi “seimbang” kerana telah dipermudahkan oleh “pasaran” berdasarkan kefahaman tersendiri yang jauh menyimpang.

Maka terjadilah krisis demi krisis yang semuanya boleh dikaitkan dengan “insan” yang tidak lagi seimbang adab dan akhlaknya. Baik dari keruntuhan moral peribadi sehingga ke masalah perubahan iklim sejagat, setiap satunya mencerminkan ketakseimbangan yang semakin parah hari demi hari. Necara fitrah insan itu sendiri sudah celaru atau dicelarukan oleh kafahaman-fahaman lain yang memandang adab dan akhlak sedia ada sebagai “musuh” utama dalam agenda sempit

masing-masing. Sehingga gejala rasuah dan amalan tidak beretika menjadi berleluasa apatah lagi bila melibatkan mereka yang dikatakan berpendidikan serta berkedudukan tinggi diberbagai lapisan masyarakat. Sekaligus bahasanya kesat, perkertinya kasar dan bicaranya tidak lagi beradab.

Dengan kata lain, peranan budi sebagai satu-satuya perisian penting dalam pendidikan berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan tidak lagi dipertahankan bukan sahaja kerana soal-soal sentimental warisan budaya seperti “biar mati anak, jangan mati adat” – tetapi lebih-lebih kerana kepentingan untuk menyelamatkan masa hadapan insan sejagat dari dinodai oleh fahaman kebendaan yang ditaja oleh pendokong neoliberal dan agenda “pasaran” yang tamak haloba tanpa mengenal batasan adab dan akhlak sama sekali.

Peranan “budi”

Maka dalam hal ini soal “budi” menjadi satu dimensi yang cukup penting dalam membina akar umbi sebenar Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Apatah lagi memandangkan “budi” merupakan satu-satunya konsep yang wujud hanya dalam masyarakat dan budaya Melayu Nusantara keseluruhannya. Rata-rata terjemahan perkataan “budi” kepada bahasa lain bukannya sesuatu yang mudah kerana sarat dengan kefahaman yang agak unik kepada rumpun Melayu. Hal ini sudah cukup menandakan ketinggian bahasa dan budaya serta adab dan akhlak bangsa Melayu itu sendiri. Ia tersemat pada jati diri masyarakat Melayu yang jika tanpa “budi” mereka seakan-akan hilang keperibadiannya, begitu juga ketinggian tamadunnya. Dengan erti lain, pendidikan yang disampaikan tidak akan kesampaian.

Sepertimana perkataan “sejahtera”, “budi” tidak ada terjemahan yang tepat dalam budaya lain. Inilah yang menjadikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan luar biasa adanya kerana keluasan makna “budi” itu sendiri. Kepada yang beradab dan berakhlak ini lebih mudah dibayangkan melalui berbagai-bagi pantun budi, seperti yang berikut:

Suria menyinsing cuacanya terik,

Sinarannya sampai ke hutan seberang;

Mulut manis hatinya baik,

Itulah budi dikenang orang,

Jelas daripada pantun tersebut, soal “hati” juga berkaitan rapat dengan “budi,” hatta adab dan akhlak melengkapkan lagi kemuliaan peribadi dan jati diri rumpun Nusantara itu sendiri. Pertanyaan yang jelas menyusul: di mana pula soal “hati” dihadamkan dalam pendidikan hari ini kalau tidak melalui kefahaman mendalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, sewajarnyalah erti dan peranan “hati budi” digarap dengan jelas sebagai perisai menghadapi arus dan badai globalisasi dengan memperkasakan jati diri melalui adab dan akhlak yang terjalin dengan sempurna sehingga akhir hayat. Masing-masing mempunyai peranan yang besar dalam konteks pendidikan dan tidak dapat diambil alih oleh mana-mana pihak yang tidak mendukung Falsafah Pendidikan Kebangsaan secara berterusan, menyeluruh dan sepdua sepertimana yang terlakar dalam ayat awal Falsafah tersebut, baik tersurat maupun tersirat.

Burung serindit terbang melayang,
Mari hinggap di ranting muda;
Sungguhpun wang dipandang orang,
Adab dan akhlak tiada nilainya.

Didikan Budi

Antara tiga rangkaian “budi” yang utama, “budi bahasa” berkait langsung dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, yang merujuk kepada adab dan akhlak bertutur kata, berkomunikasi secara sopan santun, dan tatatertib yang tercantum dengan keikhlasan hati dan terpancar pula melalui bercakapan yang mulia. Hatta, orang berbudi, kita berbahasa – cogannya dalam keperibadian bangsa kita. Maksudnya, setiap gerak lidah serta ungkapan lisan akan menggambarkan kesucian pemikiran dan perasaan terhadap sesuatu hal, apalagi terhadap manusia, baik secara peribadi maupun masyarakat am yang sedia terangkum dalam konsep budi bahasa (3).

Keterangkuman ini mendekati budaya Timur yang bukan hanya tertumpu kepada penilaian rupa bentuk mengikut ukuran luaran sahaja (yang kini dikenali sebagai Pengukur Utama Prestasi, KPI), tetapi turut dipentingkan, malah lebih-lebih lagi, menitik berat pewarisan khazanah paling berharga, mengangkat didikan masyarakat Timur ke peringkat yang cukup berwibawa lagi bermaruah. Walaupun budi itu tidak dapat diukur atau dibalas dengan sukatan luaran, akan tetap ada timbal balik yang akan menyusur kelak. Dunia kita bukannya dunia yang mengharapkan balasan serta pujian, tetapi lebih tersirat sebagai ikatan erat tersemat di sanubari yang serba luhur fitrahnya. Adab dan akhlak kita bukannya hamburan yang lantang dan kosong, tetapi sumbangan yang padat dengan keharmonian, sopan lagi berlapik seperti yang digambarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Maksudnya, apabila “budi bahasa” menjadi tunjang pegangan utama seseorang individu atau sesuatu masyarakat akan juga menentukan dimensi kedua “budi” yakni “budi pekerti.” Maka soal keakraban antara satu sama lain akan terus diperkasakan kerana ruang berpecah belah sudah tercantum. Budi bahasa terus menjadi pengikat paling erat melalui budi pekerti kerana sentuhan qalbunya yang mendalam lagi beradab. Melalui bayangan indah ini tersimpul satu bentuk pendidikan yang tinggi martabatnya. Walaupun ini tidak bermakna bahawa segala-galanya akan menemui titik persetujuan atau penyelesaian, ketinggian budi pekerti melalui adab dan akhlak yang terdidik dapat menjadi pereda dan penawar hati (qalbu) sedang dirundung hiba atau gelora. Perbezaan pendapat serta perselisihan pandangan yang berlaku sekalipun tidak akan dengan mudah memadamkan pertalian yang sedia terjalin atas dasar keikhlasan dan kejujuran seorang budiman lagi beradab. Disinilah terletaknya dimensi ketiga “budi” – “budi bicara” yang pintar mengolah timbang tara kearah pemantapan budi.

Tegak rumah kerana sendi,
Tegapnya sendi rumah terbina;
Sendi bangsa ialah budi,
Mantapnya bangsa, berbudi bicara.

Hal ini akan lebih nyata dengan bermulanya budi bahasa yang amat ramah, santun lagi lemah lembut sebagai cerminan hati yang penuh beradab. Rasulullah SAW pernah bersabda yang maksudnya: "Sesungguhnya Allah menyukai sikap berlemah lembut dalam semua perkara." Maka budi bahasa wajar diamalkan sedemikian rupa agar keindahan bahasa, pekerti serta bicara terletak di peringkat paling sempurna dalam menyatukan "budi" lantas menyuburi lagi hati sanubari yang mencakupi pendidikan diri dan masyarakat dalam sebuah mahligai hidup yang suci dan harmoni.

Kesimpulan

Demikianlah serba ringkasnya limpahan "budi" sebagai sendi kepada beradab dan berakhhlak yang tinggi. Ertinya tanpa "budi," adab dan akhlak akan sentiasa kering kontang nilainya dan mudah pula diisi dengan nilai-nilai lain yang boleh mencemar pengertian "budi" itu sendiri. Dalam nukilan kali ini, "budi bahasa" diambil sebagai contoh bagaimana untuk membangunkan adab dan akhlak yang mulia lagi luhur yang berkelangsungan kepada "budi pekerti" dan "budi bicara." Rata-rata soal ini tidak lagi dipentingkan dalam dunia pendidikan seperti yang terpapar di media sosial sekali gus menjadikannya "rimba" yang tidak lagi beradab dan berakhhlak tinggi. Inilah yang dimaksudkan dengan nilai-nilai moden yang mengagung-agung satu lagi bentuk budaya yang tidak peka kepada tuntutan didikan budi, sekali gus mengenepikan aspek adab dan akhlak. Soal budi dalam dunia teknologi sama sekali tidak mendapat tempat sedangkan teknologi kini diakui sebagai pencorak pemikiran generasi hari muka yang mungkin tersasar jauh daripada hikmah Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bestari.

Andainya dirangkaikan dua lagi aspek budi – yakni "budi pekerti" dan "budi bicara" – masing-masing terus memperkuatkan lagi kefahaman dan amalan beradab dan berakhhlak sebagai limpahan budi keseluruhannya. Ketiga-tiga himpunan budi ini adalah asas penting kepada asuhan dan pendidikan beradab dan akhlak yang kukuh dalam membendung segala bentuk kebiadapan yang dikini terus berleluasan dalam percaturan "pasaran" melalui arus globalisasi yang membadi dan cuba mencorakkan semula segala-gala. Ini merupakan cabaran kepada amanah yang kita gengam melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang sewajarnya kita tunaikan dalam melunas

masa hadapan pendidikan semua peringkat mengatasi kecuaian dalam mengakari semula Falsafah tersebut sedalam-dalamnya.

Tanam legundi terbitnya mawar,
Muncullah pula pohon cempaka;
Limpahan budi umpama penawar,
Mendidik insan ke hari muka.

Allahu'alam.

- (1) Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/index.php/my/dasar/falsafah-pendidikan-kebangsaan>. Dicapai pada Nov 4, 2018
- (2) Fitzsimons, P. (2018) Human capital theory and education. Dalam Peters, M.A. (Ed) Encyclopedia of Educational Philosophy and Theory. Springer Link https://link.springer.com/referenceworkentry/10.1007%2F978-981-287-588-4_331. Dicapai pada Nov 4, 2018
- (3) Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni, 2005